

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM KEUSAHAWANAN
PELAJAR DAN PENYERAHAN ZAKAT SSM
3 MEI 2018
DI AUDITORIUM PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA UniMAP,
PAUH PUTRA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Negaraku Malaysia
Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Sri Jamil Salleh, Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
(KPDNKK) merangkap Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Yang Berbahagia Dato'Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai
Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Yang Berbahagia Tuan Haji Rosli Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) Suruhanjaya Syarikat Malaysia,
merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Zakat Suruhanjaya
Syarikat Malaysia

Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Prof. Madya Razli Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

Pegarah KPDNKK Kedah dan Perlis

Pengarah SSM Kedah dan Perlis

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Azza Wajalla atas kesempatan merasai nikmat kehidupan. Mari kita menadah tangan memanjatkan kesyukuran kerana dapat berkumpul pada petang ini dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Program Keusahawanan Pelajar dan Penyerahan Zakat SSM.**
2. Saya mewakili pengurusan tertinggi UniMAP ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada **Yang Berbahagia Dato' Sri Jamil Salleh** serta tetamu kehormat yang sudi hadir kepada, kerana sudi hadir di petang yang berbahagia ini.
3. Setinggi-tinggi tahniah kepada jawatankuasa perlaksana kerana telah berjaya memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Hadirin dan hadirat sekalian

BUSINES PITCHING

4. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak SSM kerana di atas kesudian memilih UniMAP sebagai lokasi penganjuran program Pertandingan ***Busines Pitching*** ini, di

- mana ia ditaja sepenuhnya SSM dan mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta digerakkan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP.
5. Saya difahamkan matlamat penganjuran **Program Business pitching** ini adalah untuk menjadikan ia sebagai sebuah platform kepada mahasiswa untuk menyampaikan serta menyalurkan idea keusahawanan di kalangan mahasiswa secara ringkas, padat dan menyakinkan secara langsung di khalayak ramai.
 6. Apa yang saya dapat lihat, melalui program sebegini para pelajar akan dapat berkongsi pengalaman selain berinteraksi dan berkolaborasi sekaligus dapat membina personaliti yang positif dan berkeyakinan di kalangan pelajar UniMAP sebelum memasuki dunia pekerjaan kelak.
 7. Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa sebanyak 10 pasukan telahpun menyertai program ini yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi Bilik Seminar Kolej Kediaman Tun Abdul Razak. Jika dikira dari jumlah penyertaan pelajar pada pertandingan kali ini, saya yakin, ianya boleh diteruskan untuk tahun yang mendatang.
 8. Ini kerana sejak tahun lalu, telah banyak program kerjasama telah dijalankan antaranya seperti Karnival YPGO, Program Coca Colaku Komuniti Usahawan via KPDNKK, program Mini Career Fair. Manakala bagi tahun ini pula, Program Karnival Usahawan Perdana UniMAP dijangka bakal berlangsung sekitar bulan Mei 2018 nanti, InsyaAllah. Saya berharap kerjasama ini akan berterusan dan hubungan erat ini akan terus diperkukuhkan.

Hadirin dan hadirat sekalian

SUMBANGAN ZAKAT KORPORAT SSM

9. Alhamdulillah, pada hari ini juga, seramai 100 orang pelajar UniMAP dalam asnaf fakir dan miskin bakal menerima sumbangan zakat sebanyak RM 300 seorang dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di atas sumbangan zakat korporat SSM bagi tahun 2017.
10. Terima kasih kepada pihak SSM kerana memasukan UniMAP dalam senarai penerima sumbangan zakat. Ini menggambarkan komitmen berterusan SSM kepada bidang pendidikan serta UniMAP khususnya.
11. Pihak UniMAP merasa terharu diatas sumbangan ini dan mengharapkan SSM terus mencipta keuntungan kerana dalam masa yang sama ramai pihak akan mendapat faedah diatas keuntungan yang diraih oleh SSM.
12. Saya berharap melalui wang sumbangan ini para pelajar yang berhadapan dengan masalah kewangan akan dapat dibantu dan dalam masa yang sama mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pembelajaran.
13. UniMAP sentiasa peka kepada permasalahan pelajar terutamanya dalam aspek kewangan, sehinggakan UniMAP mengambil inisiatif sendiri untuk mewujudkan Tabung Amanah Khas sejak tahun 2010. Melalui tabung ini, UniMAP mengharapkan sumber dana bantuan dapat dipelbagaikan dan jumlah penerima bantuan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.
14. Sebagai sebuah universiti yang sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan kebajikan yang terbaik kepada pelajar, kami sebenarnya amatlah mengalu-alukan kepada apa jua bentuk

- sumbangan kewangan oleh badan-badan kerajaan, korporat mahupun individu.
15. Apa juga sumbangan kewangan sama ada dalam bentuk zakat mahupun sumbangan biasa akan di masukkan ke Tabung Amanah UniMAP dan seterusnya akan disalurkan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan sepanjang pengajian mereka di UniMAP melalui tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan.
 16. Tabung ini diletakkan dibawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni merupakan yang bertanggungjawab mengenalpasti serta menguruskan penyaluran bantuan-bantuan kewangan kepada pelajar layak.
 17. Sekadar perkongsian, bagi tahun 2017 sahaja, pihak UniMAP telahpun menerima bantuan zakat bagi tujuan agihan kepada pelajar berjumlah kira-kira RM190,000 daripada badan-badan korporat dan syarikat swasta seperti Maybank Islamic Bank, Celcom Mobile, dan Syarikat UMW .
 18. Jumlah ini adalah tidak termasuk agihan zakat yang diterima daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis (MAIPs) pada tahun 2017 hasil daripada 37.5 peratus daripada jumlah potongan gaji kakitangan UniMAP yang membuat potongan zakat setiap bulan pada tahun 2016.
 19. Daripada RM340,792.40 yang diterima daripada MAIPs, sejumlah kira-kira RM170,395.96 dikhususkan bagi tujuan agihan kepada pelajar UniMAP manakala selebihnya diuruskan oleh Pusat Islam UniMAP bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan seperti mana yang dipersetujui antara MAIPs dan UniMAP.
 20. Bagi tahun 2017 sahaja, seramai 767 orang pelajar UniMAP telahpun menerima bantuan zakat melalui proses pemilihan yang

dibuat melalui jawatankuasa yang dilantik dan untuk tahun ini kita mensasarkan seramai 1000 orang pelajar akan menerima agihan bantuan kewangan zakat melalui penyaluran secara berterusan yang diterima daripada pelbagai pihak.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENUTUP

21. Rasanya cukuplah ucapan saya untuk kali ini, besarlah harapan saya dan UniMAP agar jalinan kerjasama yang sedia terjalin ini diteruskan bagi kepentingan pelajar UniMAP secara keseluruhannya.
22. Semoga apa yang disumbangkan pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.